



**TEKS UCAPAN YB DATO' SUK
SEMPENA POGRAM ROADSHOW INTEGRITI 2018**

TARIKH : 19 JAMADIL AWAL 1439H /
05 FEBRUARI 2018

MASA : 9:30 PAGI

TEMPAT : DEWAN BUNGA TERATAI
KOTA DARULNAIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

- 1. BISMILLAHI RAHMANIR RAHIM**
- 2. SEGALA PUJI-PUJIAN HANYA LAYAK DITUJUKAN KEPADA ALLAH S.W.T., TUHAN YANG MEMILIKI SEKELIAN ALAM INI.**
- 3. SELAWAT DAN SALAM DITUJUKAN KEPADA NABI MUHAMMAD S.A.W., AHLI KELUARGANYA DAN PARA SAHABATNYA.**
- 4. TERIMA KASIH SAUDARA PENERUSI MAJLIS.**
- 5. YANG BERHORMAT DATO' SHAHIDANI BIN ABD AZIZ, PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN**

6. **YANG MULIA TENGGU KAYA PERKASA, TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)/PENGARAH UPEN**
7. **YANG BERBAHAGIA DATUK DR. ANIS YUSAL YUSOFF, PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)**
8. **DATO'-DATO', KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN, PARA PESERTA SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.**
9. **TERLEBIH DAHULU, SAYA MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MEYAMPAIKAN SALAM DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN YANG TIDAK DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN KITA PADA HARI INI, MEMANDANGKAN**

KEPADA YANG BERHORMAT DATO' PADA HARI INI MASIH LAGI DALAM CUTI SAKIT. KALAU IKUTKAN PERANCANGAN ASAL, YANG BERHORMAT DATO' MEMANG TELAH MEMPERUNTUKKAN MASA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN KITA SEMUA PADA HARI INI.

10. SAYA AKAN MEMBACAKAN TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN YANG TELAH DISEDIAKAN.

11. PROGRAM ROADSHOW INTEGRITI ADALAH MERUPAKAN SATU USAHA MURNI YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK INSTITUT INTEGRITI

MALAYSIA (INTEGRITI) DI DALAM KONTEKS UNTUK MELAPORKAN DAN MENDAPATKAN MAKLUM BALAS STATUS INTEGRITI DI NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA INI TERMASUKLAH NEGERI KELANTAN.

- 12. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK INTEGRITI KERANA MEMILIH NEGERI KELANTAN SEBAGAI NEGERI KEDUA (2) BAGI DIADAKAN PROGRAM ROADSHOW INTEGRITI PADA TAHUN 2018 SELEPAS NEGERI PERLIS PADA 30 JANUARI 2018.**

- 13. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA PROGRAM INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENAMBAH BAIK DAN**

**MENANGANI JURANG ANALISA YANG DIBANGKITKAN
DALAM LAPORAN-LAPORAN DAN MEDIA MASSA
MENGENAI ISU-ISU INTEGRITI DI NEGERI KELANTAN.**

- 14. LAPORAN INI JUGA AKAN MEMBERIKAN
PENERANGAN MENGENAI MANFAAT DAN KELEBIHAN
INSTRUMEN INTEGRITI YANG BOLEH DILAKSANAKAN DI
PERINGKAT ORGANISASI, JABATAN DAN AGENSI
MALAH AKAN DAPAT MEMBERIKAN GAMBARAN
SEBENAR - "REAL STORIES" MENGENAI ISU INTEGRITI
YANG BERLAKU.**

- 15. SAYA HARAP SELEPAS INI TIDAK LAGI BERLAKU
JURANG ANALISA MENGENAI LAPORAN-LAPORAN DI**

ANTARA LAPORAN-LAPORAN DAN MEDIA MASSA MENGENAI ISU-ISU INTEGRITI DI KELANTAN.

- 16. MENGIKUT MAKLUMAT YANG SAYA PEROLEHI, DI NEGERI KELANTAN INI, PADA TAHUN 2017 YANG LALU TIDAK BERLAKU TANGKAPAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERKAITAN DENGAN RASUAH. WALAUPUN SAYA DIBERI MAKLUM ADA BERLAKU TANGKAPAN BAGI JENAYAH RASUAH PADA TAHUN TERSEBUT, ALHAMDULILLAH IA TIDAK MELIBATKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KELANTAN. SAYA HARAP BIARLAH REKOD INI KEKAL SELAMANYA DAN KITA SEMUA SELAMAT DARIPADA ANCAMAN RASUAH.**

17. **SIDANG HADIRIN SEKALIAN**

18. **NEGERI KELANTAN MERUPAKAN NEGERI KE LIMA (5) YANG MENGANJURKAN PROGRAM ROADSHOW INTEGRITI YANG TELAH BERMULA PADA TAHUN 2017 IAITU BERMULA DENGAN SELANGOR PADA OGOS 2017, SERAWAK PADA SEPTEMBER 2017, PAHANG PADA OKTOBER 2017, DAN JOHOR PADA NOVEMBER 2017 . WALAUPUN NEGERI KELANTAN BUKAN NEGERI YANG PERTAMA YANG MENGADAKAN PROGRAM INI, NAMUN DI DALAM JIWA SETIAP RAKYAT KELANTAN KESEDARAN INTEGRITI INI SENTIASA DITEKANKAN MELALUI DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH DAN ITQAN.**

19. BEKERJA SEBAGAI SATU IBADAH ADALAH MERUPAKAN PINSIP ASAS INTEGRITI, MANA MUNGKIN KITA DAPAT MENUNAIKAN IBADAH SEKIRANYA ADA SIFAT TIDAK BERINTEGRITI DI DALAM MELAKSANAKANNYA, MAS'ULIYYAH ATAU RASA KEBERTANGGUNGJAWABAN ADALAH MERUPAKAN ELEMEN YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA DALAM INTEGRITI YANG MERASAKAN ALLAH S.W.T. SENTIASA MELIHAT SETIAP KERJA BUAT KITA WALAUPUN KITA KIRA TIADA SIAPA YANG TAHU. SIFAT MAS'ULIYYAH INI PERLU KITA PUPUK SUPAYA IANYA TIDAK MEROSOT DAN SENTIASA SUBUR DI SETIAP JIWA KITA. MANAKALA ITQAN ADALAH PRINSIP BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM BEKERJA SUPAYA MATLAMAT KERJA

AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN PENCAPAIAN YANG PALING BAIK YANG MAMPU KITA LAKSANAKAN. KETIGA-TIGA PRINSIP INI INSYA ALLAH AKAN DAPAT MENGHINDARKAN KITA DARIPADA TERJEBAK KE KANCAH KEMEROSOTAN INTEGRITI.

20. KEMEROSOTAN INTEGRITI ITU BERPUNCA DARIPADA BANYAK FAKTOR, SAMADA IANYA FAKTOR YANG BOLEH DIKAWAL ATAU YANG TIDAK BOLEH DIKAWAL.

21. SALAH SATU DARIPADANYA IALAH BUDAYA. BUDAYA DIPENGARUHI OLEH FAKTOR SEJARAH DAN TRADISI, NILAI AGAMA, KELOMPOK SESUATU BANGSA, PERSEKITARAN,

PROSES SOSIALISASI, WORLD VIEW SERTA PERKEMBANGAN SEMASA.

- 22. BUDAYA BERUBAH DAN BOLEH DIUBAH. BUDAYA YANG MENJUNJUNG TINGGI INTEGRITI AKAN MEMBERI PERSEKITARAN YANG KONDUSIF KEPADA INDIVIDU UNTUK TIDAK MENYIMPANG DALAM TINGKAH LAKUNYA. SEBALIKNYA, BUDAYA NEGATIF AKAN MEWUJUDKAN KEPINCANGAN DALAM ORGANISASI DAN MASYARAKAT**

- 23. GEJALA DADAH, SEKS BEBAS, “MAT REMPIT”, “BOHSIA”, “BOHJAN”, BUDAYA LEPAK, KUTU RAYAU DAN SEBAGAINYA MERUPAKAN MANIFESTASI BUDAYA “PAK TURUT”. APA YANG ORANG LAIN LAKUKAN MAKA**

DILAKUKAN PULA OLEH MEREKA TANPA MENILAI BAIK BURUKNYA.

- 24. PROGRAM ROADSHOW INTEGRITI YANG DIADAKAN PADA HARI INI MERUPAKAN SALAH SATU USAHA YANG TEPAT BAGI MENYIASAT DAN Mencari Punca kepada KEMEROSOTAN INTEGRITI DI KALANGAN MASYARAKAT.**

- 25. SAYA YAKIN DAN PERCAYA , DENGAN PESERTA SERAMAI 250 ORANG INI DARI PELBAGAI LAPANGAN IAITU DARI KALANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PERSEKUTUAN, DARI BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN, DARI KALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA INDUSTRI DAN DARI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA BADAN**

BERUNIFORM YANG AKAN DUDUK BERBENGGEL BERSAMA-SAMA AKAN MAMPU MENCETUSKAN IDEA-IDEA BERNAS DALAM MENGATASI KEMEROSOTAN INTEGRITI DI KALANGAN MASYARAKAT .

- 26. DENGAN PENGENALAN KEPADA DASHBOARD INTEGRITI YANG MANA BOLEH DILIHAT PADA 'REAL-TIME" SUDAH PASTI AKAN DAPAT MEMBERIKAN BANYAK FAEDAH DAN MEMBANTU PERANCANGAN PROGRAM DI MASA HADAPAN AGAR LEBIH INKLUSIF DAN HOLOSTIK.**
- 27. SAYA DIFAHAMKAN OLEH PIHAK INTEGRITI SEGALA IDEA DAN LAPORAN YANG AKAN TUAN-TUAN DAN PUAN-**

**PUAN HASILKAN NANTI AKAN DIJADIKAN INPUT AWAL
BAGI PENYEDIAAN LAPORAN TEKAD INTEGRITI FASA III
TAHUN 2014-2018.**

**28. AKHIR KATA, SAYA SECARA PERIBADI AMAT BERHARAP
AGAR PESERTA-PESERTA AKAN MENGAMBIL PELUANG
DAN RUANG SECARA OPTIMA , MENIMBA DAN
MENCURAHKAN SEGALA KEPAKARAN BERSAMA SUPAYA
DI AKHIR PROGRAM NANTI KITA AKAN DAPAT
MENYEDIAKAN SATU LAPORAN PROFIL INTEGRITI NEGERI
KELANTAN YANG MANTAP DAN BERKUALITI.**

**29. DENGAN LAFAZ YANG MULIA
“BISMILLAHIRAHAMNIRAHIM” SAYA DENGAN INI**

**MERASMIKAN PROGRAM ROADSHOW INTEGRITI TAHUN
2018 ANJURAN BERSAMA INTEGRITI MALAYSIA DAN
BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

- 30. WABILAHITAUFIK WAHIDAYAH, WASALAMUALIKUM
WARAHMATUALLAHIWABARATUH.**